



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenan bergambar bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis selepas majlis Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Perlis Ke-13 di Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL

UM/2-7-13/1a/1/A/PS-Perpaduan

Peringatan Raja Perlis kepada pihak cuba gugat keharmonian kaum

Jangan jejaskan perpaduan

Oleh ZAINUL AZHAR AS'ARI

utusanperlis@utusan.com.my

KANGAR 1 Julai - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menegur pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang cuba menimbulkan isu-isu tertentu sehingga boleh menjelaskan perpaduan negara sejak kebelakangan ini.

Titah baginda, hal yang sedemikian boleh menyebabkan perpecahan dalam kalangan rakyat dalam sekilip mata.

"Beta ingin menasihatkan rakyat negeri ini (Perlis) supaya sentiasa mengamalkan budaya bermuafakat dan memastikan perpaduan antara kaum terus dipupuk dan dipelihara," titah

baginda ketika merasmikan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis Ke-13 di sini hari ini.

Berangkat sama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid. Yang turut hadir Menteri Besar, Azlan Man.

Baginda bertitah, perpaduan negara seharusnya dititikberatkan kerana kemakmuran yang dikecapai pada masa ini merupakan hasil daripada perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat berbilang kaum sejak sekian lama.

Tuanku Syed Sirajuddin juga menerangkan kerajaan negeri supaya terus berusaha untuk mencari peluang pelaburan dari dalam dan luar negara bagi memastikan arus sektor pelaburan menjadi pemangkin pembangunan

ngunan di Perlis.

Bagi mencapai matlamat tersebut, titah baginda, wakil-wakil rakyat perlu mengadakan jaringan dengan semua pihak termasuk pelabur asing dan agensi Kerajaan Pusat bagi memudahkan sebarang proses berkaitan kemasukan pelaburan ke negeri ini.

"Pertambahan pelaburan akan menyumbang kepada peningkatan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri," titah baginda.

Sehubungan itu, titah Raja Perlis, baginda menyambut baik usaha kerajaan negeri untuk membuka kawasan perindustrian baharu dan menuju Perlis Invest sebagai pusat sehtiani yang akan berfungsi mempromosikan sektor pelaburan di Perlis.

"Projek-projek mega seperti Depoh Pelepasan Darat, Projek Ternakan Ayam Bersepadu, Pembangunan Bandar Baru Chuping (Chuping Valley) dan Bandar Maritim Kuala Perlis juga akan dilaksanakan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan memberi kesan sampingan kepada pembangunan negeri secara holistik," titah baginda.

Titah baginda, syarikat-syarikat multinasional juga perlu dipelawa dan diberi insentif pelaburan seperti pengurangan cukai tanah dan cukai pin itu mengikut jenis industri bagi tempoh tertentu.

"Beta berharap insentif-insentif di berikan hendaklah selaras dengan insentif-insentif cukai langsung dan ti-

dak langsung yang diperuntukkan Kerajaan Persekutuan seperti di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Zon Bebas 1990.

"Akta-akta ini merangkumi insentif untuk pelaburan dalam sektor pembuatan, pertanian, pelancongan termasuk perhotelan dan perkhidmatan yang diluluskan serta insentif penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta latihan dan aktiviti perlindungan alam sekitar," titah baginda.

Di samping itu, titah Raja Perlis, perpaduan negara seharusnya dititikberatkan kerana kemakmuran dikecapai pada masa ini merupakan hasil daripada perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat berbilang kaum yang dipupuk sekian lama.